

## NOTA EDITOR

Pendidikan merupakan antara penyumbang utama kepada kemajuan sesebuah negara. Ini jelas dinyatakan dalam pelbagai kajian, hanya negara yang miliki warga berpendidikan akan menunjukkan kemajuan dalam pelbagai bidang, termasuk Sains, Teknologi mahu pun dalam bidang ekonomi. Atas dasar tersebut, satu medan perbincangan dalam kalangan warga pendidik perlu dilaksanakan agar semua pemegang taruh pendidikan dapat berkongsi pandangan dan dapatan berkaitan bidang pendidikan.

Kehadiran revolusi industri 4.0 juga memberi impak kepada pelbagai bidang termasuk pendidikan. Ini kerana pendidikan merupakan antara asas yang menyediakan tenaga kerja masa depan. Oleh itu, penekanan terhadap pendidikan yang berteraskan revolusi industri 4.0 perlu diberi perhatian. Para pendidik sama ada dalam kalangan pendidik sekolah rendah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi perlu memahami kepentingan pendidikan digital dan bagaimana cara mengaplikasikannya dalam sistem pendidikan agar ia dapat dimanfaatkan dengan baik.

Rentetan tersebut, Pusat Kepimpinan dan Polisi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia telah menyahut seruan untuk mengadakan satu medan perbincangan dan pelaporan dapatan yang telah dikendalikan oleh para pendidik dari peringkat sekolah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi dengan mengajurkan Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara 2019 (SKEPEN 2019). Seminar yang diadakan setiap dua tahun, kali ini bertemakan 'Pendidikan Bertransformasi dan Berinovasi ke Arah Malaysia Baharu' bertindak sebagai platform untuk penganalisis. Perancang, pelaksana dasar pendidikan, pensyarah penyelidik dan pihak berkepentingan berkongsi dapatan kajian, idea dan pemikiran baharu yang inovatif dengan hati serta fikiran terbuka. Seminar juga bermatlamat untuk memberi maklumat berkaitan pencapaian Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Cadangan penambahbaikan pelaksanaan inisiatif, serta strategi baharu untuk pelaksanaan dasar, program, projek dan aktiviti pendidikan yang lebih berdaya maju serta berkesan untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing di peringkat antarabangsa diharapkan dapat dikemukakan.

Untuk berkongsi maklumat tersebut, maka satu Edisi Khas Jurnal *Akademika* yang merangkumi topik-topik penting telah dihasilkan. Topik-topik tersebut adalah berkaitan: Kepimpinan dan Polisi Pendidikan, Pendidikan Khas, Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke 21 yang sepadan dengan keperluan revolusi industri 4.0, ICT dalam pendidikan, pendidikan keusahawanan, pendidikan dan kesejahteraan serta pengukuran dan penilaian pendidikan. Diharap himpunan makalah ilmiah ini dapat memberi inspirasi kepada semua khususnya kepada para pendidik.

Profesor Dr. Norasmah Othman  
Editor Jemputan

## EDITOR'S NOTE

*Education is one of the main contributors to the progress of a country. This is clearly stated in the various studies, only countries that have educated citizens would show progress in various fields, including science, technology nor in economics. On that basis, a platform among educators should be created so that all stakeholders can share their views and findings related to their field of education.*

*The presence of the Industrial Revolution 4.0 also has an impact on various areas, including education. This is because education is the foundation that provides future workforce. Therefore, the emphasis on education based on the industrial revolution 4.0 needs to be addressed. Educators whether from primary school to higher education need to understand the importance of digital education and how to apply it in the educational system so that it can be utilized well.*

*Following this, the Centre for Leadership and Education Policy, Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia has responded to the call to hold a platform for discussion and reporting on findings that has been conducted by educators from school to tertiary level by organizing the National Education Seminar 2019 (SKEPEN 2019). The seminar which is held every two years themed 'Transforming and Innovating Education Towards a New Malaysia' acts as a platform for analysts, planners, education policy makers, researcher cum lecturers and stakeholders to share innovative research findings, ideas and thoughts with hearts and open mind. The seminar also aims to provide information related to the achievement of the Malaysian Education Development Plan (PPPM 2013-2025), proposing improvements for the initiatives implementation, as well as new viable and effective strategies in implementing educational policies, programs, projects and activities to hopefully produce competitive students on the international level.*

*To share this information, a Special Edition of the *Akademika* Journal covering important topics has been produced. These topics related to Leadership and Education Policy, Special Education, 21st Century Teaching and Learning corresponding to the needs of the industrial revolution 4.0, ICT in education, entrepreneurial education, education and welfare, and educational measurement and evaluation. It is hoped that this collection of academic papers can inspire everyone, especially educators.*

*Profesor Dr Norasmah Othman  
Guest Editor*